

PROPMAB 2025: Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan untuk Personel Binaan Berlangsung di FFTP, UTHM

Batu Pahat, 28 Jun 2025 – Dengan penuh semangat dan komitmen, hari pertama PROPMAB: *Safety Induction for Construction Workers* (SICW) telah berjaya dilaksanakan pada hari Sabtu, 28 Jun 2025. Program ini merupakan kerjasama strategik antara Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FFTP), UTHM dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan, anak syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Bertempat di BK24, Blok B1, FFTP, program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pensijilan kompetensi yang diiktiraf oleh CIDB. Ia bertujuan untuk melengkapkan para pelajar dengan Kad Hijau CIDB – satu syarat wajib sebelum menjalani latihan industri atau menceburi kerjaya profesional dalam bidang pembinaan.

Sepanjang sesi induksi ini, para pelajar didedahkan kepada aspek-aspek penting berkaitan keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan, merangkumi peraturan, amalan kerja selamat, dan kepentingan budaya kerja profesional. Inisiatif ini juga menyokong aspirasi UTHM dalam melahirkan graduan yang kompeten, bertanggungjawab, dan bersedia menghadapi cabaran sebenar industri.

Program ini diserikan dengan kehadiran penceramah berpengalaman daripada pihak ABM dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar. Keterujaan dan dedikasi peserta jelas terpancar sepanjang program berlangsung.

Saksikan detik-detik menarik sepanjang hari pertama PROPMAB melalui gambar-gambar yang dilampirkan – menampilkan wajah-wajah ceria peserta yang bersedia untuk melakar kejayaan dalam dunia pembinaan.

Tahniah diucapkan kepada semua peserta atas komitmen tinggi yang ditunjukkan, dan terima kasih kepada pihak ABM Wilayah Selatan serta semua pihak yang menjayakan program penting ini.



